



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



CABARAN GURU PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH (KSSM)

THE CHALLENGE OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS OF THE STANDARD SECONDARY SCHOOL CURRICULUM (KSSM)

Mohd Shahrani Muhamad Zaidi^{1*}, Mohamad Khairi Haji Othman²

¹ Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: m_shahrani_m@ahsgs.uum.edu.my

² Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: m_khairi@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.03.2023

Revised date: 28.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 27.06.2023

To cite this document:

Zaidi, M. S. M., & Othman, M. K. (2023). Cabaran Guru Pengajaran Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (50), 508-521.

DOI: 10.35631/IJEPC.850036

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) merupakan permulaan kepada perubahan penambahbaikan kualiti pendidikan negara setanding dengan negara maju. Ianya dirangka berasaskan enam tunjang iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Dalam masa yang sama adalah untuk merealisasikan agenda Gelombang Kedua, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2016 hingga 2020 dengan memberi penekanan kepada pembangunan pelajar secara holistik. Penulisan ini bertujuan untuk melihat cabaran Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam mendepani pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) melalui kurikulum baharu KSSM dan tindakan susulan yang dilaksanakan dalam menangani cabaran tersebut sebagai solusinya. Berdasarkan kaedah kajian kepustakaan maka pengkaji merujuk sorotan literatur sebagai sumber primer untuk mengukuhkan pandangan dan idea yang dilontarkan dalam penulisan ini. Hasil dapatan, penulis mendapati antara cabaran GPI adalah kompetensi GPI terhadap pengetahuan dan penguasaan Kurikulum Asas Kandungan KSSM, amalan pengajaran berteraskan kaedah tradisional kepada berpusatkan murid, perbezaan murid dari segi pengetahuan sedia ada, minat, motivasi dan gaya pembelajaran, dan Pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 (PAK-21). Harapan penulis melalui penulisan ini dapat memberikan panduan kepada GPI untuk memperbaiki strategi pengajaran sesuai dengan perubahan era globalisasi di samping proses pembelajaran ini dapat membina murid yang holistik dan sedia menghadapi persaingan.

Kata Kunci:

Cabaran, Guru, Pendidikan Islam, Kurikulum Standard Sekolah Menengah

Abstract:

Standard Secondary School Curriculum (KSSM) is the beginning of changes to improve the quality of education in the country comparable to developed countries. It is designed based on six pillars namely Communication; Spirituality, Attitudes and Values; Humanity; Self appearance; Physical and Aesthetic Development; and Science and Technology. At the same time, it is to realize the agenda of the Second Wave, the Malaysian Education Development Plan (PPPM) 2016 to 2020 by emphasizing holistic student development. This writing aims to see the challenges of Islamic Education Teachers (GPIs) in dealing with learning and facilitation (PdPc) through the new KSSM curriculum and the follow-up actions implemented to address these challenges as a solution. Based on the literature review method, the researcher refers to the highlights of the literature as a primary source to strengthen the views and ideas presented in this writing. As a result of the findings, the author found that among the challenges of GPI are GPI's competence in knowledge and mastery of KSSM's Basic Content Curriculum, teaching practices based on traditional methods to student-centered, student differences in terms of existing knowledge, interest, motivation and learning style, and implementation of century learning 21 (PAK-21). The author's hope through this writing can provide guidance to GPI to improve teaching strategies in accordance with changes in the era of globalization in addition to this learning process can build students who are holistic and ready to face competition.

Keywords:

Challenges, Teachers, Islamic Education, Middle School Standard Curriculum

Pengenalan

Dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0, transformasi kurikulum kini memberi tumpuan kepada pendidikan abad ke-21 sepertimana dimensi kurikulum dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia 2018b) (Kementerian Pendidikan Malaysia 2018a), penanda aras Kurikulum Pendidikan Islam oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) dengan mengalami perubahan kurikulum serta beberapa anjakan baharu dilakukan ke atas sistem pendidikan negara secara keseluruhannya. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah diperkenalkan dan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 untuk pelajar Tingkatan 1. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijemakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Pentaksiran (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2015).

Matlamat KSSM Pendidikan Islam adalah untuk membina dan membentuk hamba dan khalifah Allah SWT yang berilmu, beriman, bertakwa, beramal soleh, berakhlak mulia dan

berketerampilan berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah serta menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara serta kesejahteraan alam demi mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). KSSM Pendidikan Islam juga menerapkan kemahiran abad ke-21, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan kemahiran menaakul secara eksplisit dalam Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan Islam supaya dapat membentuk generasi modal insan yang dapat memenuhi keperluan semasa. Proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) perlu dirancang dan dilaksanakan dengan berkesan agar memberi impak positif kepada murid khususnya dalam perkembangan dan pencapaian mereka dalam pembelajaran berdasarkan pelbagai pendekatan pedagogi oleh guru.

Namun di sebalik konsep kurikulum baharu yang diperkenalkan ini menyebabkan guru menghadapi cabaran baharu dalam proses PdPc. Merujuk hasil kajian Norfadhilah Zalina Mat (2017) menjelaskan bahawa guru berdepan dengan pelbagai cabaran bagi mata pelajaran matematik (KSSM) terutama dalam aspek kandungan asas kurikulum, pedagogi pengajaran dan pentaksiran. Guru juga menghadapi masalah untuk merungkai dan merangkai kurikulum baharu. Hal ini selari dengan kajian oleh Arumugham (2019) yang mendapati guru-guru Prinsip Perakaunan tidak mempunyai pendedahan tentang kemahiran merungkai dan merangkai kurikulum walaupun sedar akan perubahan-perubahan yang berlaku dalam KSSM namun tidak memahami kepentingan kemahiran ini untuk mereka terutamanya untuk melakukan perancangan pengajaran. Memandangkan kandungan asas kurikulum KSSM terdapatnya penambahan tajuk baharu, keadaan ini menuntut kepada guru untuk belajar, memahami dan menguasai semula sesuatu topik sebelum melakukan proses PdPc. Maka dengan itu, pendidikan masa kini memerlukan guru sebagai pemudahcara (Simah Mamat, et.al, 2021) kerana keberkesanan pengajaran bergantung kepada kebolehan guru menggunakan kemahiran mengajar yang sesuai dengan kemampuan murid. Di samping sentiasa mengikuti perkembangan dan perubahan keperluan kurikulum dengan melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran baharu demi meningkatkan kualiti PdP.

Objektif dan Soalan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat bentuk cabaran dalam pengajaran Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Menengah dan menjelaskan solusi untuk menangani cabaran tersebut. Bagi mencapai tujuan kajian ini, soalan kajian yang dirangka adalah; (i) Sejauh manakah tahap pengetahuan guru terhadap Kandungan Asas Kurikulum Pendidikan Islam?; (ii) Apakah strategi PdPc yang relevan dengan perubahan perkembangan era globalisasi?; (iii) Bagaimanakah guru Pendidikan Islam menangani isu perbezaan murid dari segi pengetahuan sedia ada, minat, motivasi dan gaya pembelajaran terhadap PdPc mereka?; dan (iv) Apakah persediaan guru untuk melaksanakan pembelajaran abad ke-21 sebagai amalan pengajaran?

Tinjauan Literasi

KSSM Pendidikan Islam

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan Tingkatan 1 pada tahun 1989. Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menyarankan KBSM disemak semula seiring dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dengan memberi penekanan terhadap kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kreatif dan inovatif, penyelesaian masalah dan kepimpinan bagi memberi peluang murid bersaing di peringkat global seiring dengan keperluan industri. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) merupakan kurikulum kebangsaan yang diguna pakai bagi semua sekolah menengah dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan seperti yang

diperuntukkan mengikut Seksyen 18 di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Pelaksanaan KSSM menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

Transformasi kurikulum bertujuan untuk menambah baik mutu pembelajaran bagi melahirkan kemenjadian murid berdasarkan enam aspirasi murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional. Oleh itu, pihak yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum misalnya seorang guru itu perlu memahami ciri-ciri kurikulum baharu serta perubahan yang berlaku (Sarason 1990). Transformasi KSSM Pendidikan Islam melibatkan aspek kandungan, pedagogi, dan pentaksiran. Dari aspek pedagogi menekankan kepada aspek ilmu, amali, amalan, penghayatan dan pembudayaan. Melalui mata pelajaran ini murid didedahkan dengan asas pengetahuan asas al-Quran, Hadis, Akidah, Fiqah, Sirah dan Tamadun Islam, dan Akhlak Islamiah. Manakala aspek pedagogi menekankan kemahiran abad ke-21 (PAK-21), Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan kemahiran menaakul dengan tujuan melahirkan modal insan dan memberi sumbangan terhadap ketamadunan umat sebagai khalifah. Begitu juga aspek pentaksiran yang dijalankan secara berterusan dengan pelbagai kaedah sama ada pentaksiran formatif dan sumatif untuk melihat sejauh mana murid menguasai standard pembelajaran dengan merujuk kepada standard prestasi yang ditetapkan. (Bahagian Kurikulum Pembangunan 2017).

Melihat kepada kurikulum KBSM, sistem pendidikan adalah berpusatkan peperiksaan dan kemudian berubah kepada sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang baharu dilaksanakan memerlukan masa untuk pentadbir, guru, murid, dan ibu bapa untuk menerima pembaharuan ini secara sepenuhnya (Halimah Jamil, et.al. 2017). Proses perubahan kurikulum tidak boleh berlaku secara mendadak tetapi sebaliknya amalan sistem kurikulum lama masih perlu diambil kira. Beberapa praktis perlu pertimbangan terlebih dahulu semasa kurikulum baharu dijalankan yang akhirnya akan diterima sedikit demi sedikit akan perubahan tersebut (Fullan 2007). Berdasarkan model *Controlled Rapid Approach to Curriculum Change* (CRACC) mendapati guru berasa penat setiap kali berlakunya pembaharuan kurikulum dan terpaksa akur untuk menerima pembaharuan sama ada mereka mahu atau tidak (Smeed et.al, 2015). Dapat disimpulkan di sini bahawa kurikulum Pendidikan Islam turut mengalami perubahan secara berperingkat supaya tidak ketinggalan seiring dengan peredaran zaman. Kurikulum yang digubal adalah bersandarkan kepada enam tunjung kerangka KSSM.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah sorotan kepustakaan dengan merujuk bahan daripada sumber ilmiah buku, artikel jurnal dan kertas kerja prosiding. Sumber maklumat yang diperoleh menjadi panduan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang isu yang dikaji.

Dapatan Kajian

Cabaran Pengajaran KSSM Pendidikan Islam

Pengetahuan guru tentang pelaksanaan kurikulum merupakan faktor yang paling dominan dalam pelaksanaan kurikulum. Pelaksanaan KSSM adalah merealisasikan agenda Gelombang Kedua, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2016 hingga 2020 dengan memberi penekanan kepada pembangunan pelajar secara holistik. Namun begitu, terdapat sedikit cabaran kepada guru pendidikan Islam terutama guru novis untuk menghadapi perubahan KSSM ini dari beberapa sudut yang menjadi isu kepada persoalan kajian ini. Antara perkara yang difokuskan dalam kajian ini seperti jadual 1 berikut:

Jadual 1: Cabaran Pengajaran KSSM Pendidikan Islam

Bil	Cabaran	Punca
1	Penguasaan Kandungan Asas Kurikulum Baharu	1. Tiada pengetahuan merungkai dan merangkai kurikulum. 2. Keciciran maklumat.
2	Amalan pengajaran berteraskan kaedah tradisional kepada pembelajaran berpusatkan murid	1. Pengajaran berpusatkan bahan dan guru. 2. Pengajaran bersifat konvensional dan dogmatik
3	Perbezaan murid dari segi pengetahuan sedia ada, minat, motivasi dan gaya pembelajaran	1. Tidak mempunyai pengetahuan terhadap latar belakang murid. 2. Kurang memberi motivasi. 3. Kegagalan memilih strategi pembelajaran yang sesuai.
4	Pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 dalam amalan pengajaran	1. Amalan pengajaran tradisional. 2. Kekangan masa menyediakan bahan pembelajaran. 3. Kurang pendedahan dengan aktiviti PAK-21. 4. Tidak mampu kuasai kemahiran teknologi.

Cabaran 1: Penguasaan Kandungan Asas Kurikulum Baharu

Kurikulum yang dibentuk oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dengan mengutamakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) perlu di rungkai oleh guru bagi memastikan kefahaman para guru adalah tepat bagi menjamin pelaksanaan pendidikan yang berkualiti. Ini bermakna para guru perlu berusaha mencari ilmu dalam merungkai kurikulum tersebut. Merujuk kepada kandungan kurikulum tingkatan 5 Pendidikan Islam terdapat penambahan tajuk baharu bahagian fiqah iaitu Pelajaran 14 : Pengurusan Harta Selepas Kematian yang memfokuskan kepada perkara wasiat dan faraid dalam Islam (Bahagian Kurikulum Pembangunan 2017). Hal ini, memerlukan guru membuat pembacaan dan persediaan sebelum menyampaikan kandungan kurikulum tersebut kepada murid. Ini bertujuan supaya murid faham dan mampu mengaplikasikannya dalam kehidupan. Selain itu, dengan sub tajuk yang sedikit menyebabkan guru merasakan terlalu sedikit huraian yang disampaikan kepada murid. Contohnya di bahagian Tilawah al-Quran tingkatan 5 bagi Pelajaran 1 dan Pelajaran 2 hanya menekankan aspek bacaan dan hafazan ayat serta intisari ayat sahaja berbanding dalam kurikulum KBSM di bahagian Tilawah al-Quran mempunyai banyak kandungan yang perlu kepada proses penghayatan dan kefahaman ayat al-Quran yang dipelajari (Othman, Mohd Sukki, Muhammad Nadzmi Desa 2003).

Selain itu, guru menghadapi masalah untuk proses merungkai kurikulum dengan DSKP apabila kecairan maklumat tidak diberikan kepada semua guru di sekolah tetapi hanya terhad kepada

guru tertentu sahaja untuk di berikan taklimat dan selepas tu di sampaikan di peringkat sekolah masing-masing. Kemungkinan terdapat keciciran maklumat yang tidak disampaikan secara 100% oleh guru tersebut seperti yang disampaikan oleh penceramah berkenaan. Dalam pada itu, isu pengetahuan awal guru juga perlu ditekankan. Pengetahuan awal guru meliputi pengetahuan guru daripada segi kandungan mata pelajaran yang diajar dan pengetahuan isu semasa (Nor Asniza Ishak, Hazri Jamil 2020). Guru yang kompeten merupakan guru yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai kesedaran mengenai nilai profesionalisme keguruan. Namun, kompetensi bukanlah sesuatu yang mudah atau mengambil masa yang singkat, tetapi ia merupakan proses yang berterusan (Aslina Ahmad 2018). Hal ini turut diakui oleh (Danisman & Tanisli 2017; Nurul Asyikin, 2020) bahawa terdapat guru yang tidak mempunyai maklumat yang mendalam terhadap isi kandungan mata pelajaran yang menjadi pengkhususan mereka. Perkara ini berlaku bukan setakat dalam kalangan guru novis sahaja malah kepada guru-guru lama yang sudah mahir mengajar.

Cabaran 2: Amalan Pengajaran Berteraskan Kaedah Tradisional Kepada Pembelajaran Berpusatkan Murid

Kaedah tradisional atau strategi pemusatan guru merupakan strategi PdP yang telah lama diamalkan dalam bilik darjah yang mana guru akan mengajar mata pelajaran sepenuhnya secara kuliah dan murid mendengar penerangan dan mengikuti pengajaran guru. Pengajaran guru adalah berpandukan kepada buku teks dan buku aktiviti. Setiap murid akan menjalankan tugas yang diberikan oleh guru secara individu. Kesannya murid tidak berpeluang menyumbangkan pendapat mereka, kurang berupaya membuat interpretasi, interaksi sesama murid menjadi pasif, perbezaan murid dari segi kebolehan dan minat tidak diberi perhatian dan murid menjadi kurang kreatif dan berinisiatif. Kaedah pengajaran tradisional yang berpusatkan kepada guru kurang relevan kerana hal ini akan menyekat kebolehan murid untuk menerokai sesuatu perkara mengikut minat dan kecenderungan mereka. Akan tetapi kaedah ini seolah-olah telah sebatikan dengan guru sebagai amalan pengajaran di bilik darjah. Dapatan kajian menjelaskan kaedah tradisional yang digunakan guru kurang sesuai dengan tahap murid yang lemah membaca al-Quran, akhirnya murid tidak dapat menumpukan perhatian kerana kaedah pengajaran yang kurang menarik. Ini adalah kerana guru tidak mempunyai kemahiran dalam merancang pelaksanaan pengajaran berpusatkan pelajar (Norma Jusof 2021).

Sebagai contoh pengajaran tilawah al-Quran jika berpusatkan kepada guru sahaja ianya tidak dapat membantu murid yang lemah kerana mereka memerlukan banyak bimbingan daripada guru. Pengajaran tilawah al-Quran mempunyai ciri tersendiri yang melibatkan kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran *fasahah*, tajwid dan bacaan secara *tartil* dan *tadwil*. Punca kelemahan pengajaran Tilawah al-Quran yang dikesan adalah guru kurang melakukan aktiviti *talaqqi* dan *musyafahah* (Lubis, Maimun Aqsha, Nor Faizah Abu Hashim 2016). Hal ini diakui oleh kajian Wan Ali Akbar & Nursafra (2018) dalam (Zurina Mustaffa 2021) yang menyatakan bahawa guru masih mengamalkan kaedah pengajaran yang bersifat dogmatik dan konvensional. Dibuktikan lagi bahawa guru tidak mampu mengoptimumkan penggunaan bahan bantu mengajar (Jahidih Saili and Nurul Hamimi, Awang Japilan 2019). Pembelajaran berpusatkan peperiksaan juga boleh menyebabkan murid hilang peluang untuk menonjolkan keupayaan diri mereka. Kesannya murid hanya menghafal fakta tanpa memahami sesuatu isi kandungan dan konsep pembelajaran dengan baik (Hanim, Faridah, Ishak Mohamad Yusof 2019).

Cabaran 3: Perbezaan Murid Dari Segi Pengetahuan Sedia Ada, Minat, Motivasi Dan Gaya Pembelajaran

Keprihatinan guru melihat perbezaan murid adalah satu aset yang akan memudahkan proses PdP berlangsung dengan berkesan. Kefahaman tentang perbezaan-perbezaan tersebut akan membantu guru untuk merancang strategi dan pendekatan yang sesuai dengan keupayaan murid bagi mengoptimumkan kejayaan pengajaran (Mokhlis 2019). Guru yang berkualiti ialah guru yang sensitif terhadap perbezaan antara murid dan pada masa yang sama bersikap adil kepada semua murid. Guru yang berpengalaman lebih berusaha dalam tugas pengajarannya dengan mempelbagaikan strategi pengajaran berbanding guru novis. Apabila guru tidak mempunyai pengetahuan terhadap latar belakang murid akan menyebabkan penyampaian PdP kurang berkesan dan akhirnya tidak mencapai objektif pembelajaran. Selain itu, terdapat juga masalah yang timbul apabila guru kurang memberi motivasi kepada murid untuk merasa seronok untuk mengikuti PdP bersama guru dan rakan bilik darjah yang lain. Motivasi yang diberikan oleh guru dalam bentuk sentuhan peribadi guru dan keterbukaan minda guru dalam memastikan murid sedia untuk memberi komen, pendapat dan hujah bagi setiap permasalahan yang timbul berkaitan isi pelajaran (Nor Asniza Ishak, Hazri Jamil 2020).

Oleh kerana murid mempunyai kepelbagaian ciri yang berbeza dari segi minat, gaya pembelajaran, kebolehan serta kecenderungan maka seorang guru perlu bijak untuk merancang PdP sesuai dengan tahap pencapaian muridnya. Kegagalan guru memilih strategi pembelajaran yang sesuai untuk digunakan di dalam bilik darjah akan menimbulkan kebosanan seterusnya murid tidak berminat untuk mengikuti PdP (Abang & Muhd Izwan Mahmud, 2021). Hal ini disokong dalam kajian Tengku Kasim & Abdul Razak (2018) yang mendapati guru novis terpaksa berhadapan dengan pelbagai kerenah dan ragam pelajar dalam bilik darjah yang turut mengganggu proses PdP. Kebiasaannya, kelas-kelas yang tidak diurus dengan baik akan menyumbang kepada masalah disiplin pelajar dan ini boleh menghalang pendekatan pengajaran yang berkesan dari berlaku.

Cabaran 4: Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21 Dalam Amalan Pengajaran

Dalam keghairahan usaha mengimplementasikan kemahiran abad ke-21 dalam PdP, guru sebenarnya berhadapan dengan cabaran hebat memandangkan terdapat banyak kemahiran abad ke-21 yang perlu diterapkan dalam tempoh PdP yang singkat. Usaha memupuk kemahiran abad ke-21 terhadap murid agak sukar atas faktor perbezaan latar belakang murid yang berbeza dari segi pengetahuan sedia ada, minat, motivasi dan gaya pembelajaran. Namun begitu, menjadi tanggungjawab guru untuk mengambil inisiatif untuk mengekalkan minat dan motivasi murid dengan mengaplikasikan pelbagai teknik dan pendekatan yang bermakna dalam PdP.

Kadang-kala terdapat rungutan dari guru-guru senior yang kurang mahir dengan teknologi pendidikan dan kemahiran abad ke-21 sehingga mereka merasakan agak terbeban dengan perubahan iklim pendidikan kini dan akhirnya meneruskan amalan berpusatkan guru dalam PdP mereka. Perkara ini turut dinyatakan dalam kajian Normiati Batjo & Ambotang Abdul Said (2019) yang menjelaskan bahawa strategi pengajaran guru senior lebih berkonsepkan tradisional dan faktor pengalaman mengajar yang diasah dan diukir oleh interaksi persekitaran kerja guru itu sendiri menjanjikan kematangan dan kepakaran khususnya dalam pembentukan pengajaran yang berkesan. Kenyataan ini sejajar dengan hasil kajian Nadirah, Nurul (2018) mendapati bahawa dalam kalangan guru yang telah lama berkhidmat masih lagi mengamalkan kaedah pengajaran tradisional dan meminggirkan fokus utama kepada teknologi.

Selain itu, terdapat isu kekangan masa untuk menyediakan bahan dan aktiviti PdPc bagi guru yang kurang pendedahan dengan aktiviti PAK-21. Isu ini amat ketara apabila para guru melaksanakan proses PdPc secara atas talian. Hal ini amat menyukarkan kepada guru senior untuk menyediakan bahan interaktif secara atas talian atau mengendalikan kelas secara maya menggunakan *Google Classroom*. Akhirnya bimbingan secara atas talian dan pelbagai webinar telah diadakan demi membantu para guru melaksanakan PdPc secara maya dan berusaha mengekalkan motivasi murid untuk terus mengikuti pembelajaran dari jarak jauh. Ini jelas dinyatakan dalam kajian Nurul Azwani & Tan Bee Piang (2022) iaitu dalam peningkatan teknologi dan pengenalan PAK-21 ini, tidak semua guru yang mampu untuk menguasai penggunaan teknologi dengan baik terutamanya golongan guru yang sudah berusia dan hanya menggunakan kaedah tradisional semata-mata sebelum ini. Dalam kajian Vhyshnavi A/P Kanafadzi & Khairul Azhar Jamaludin (2021) menjelaskan bagi memenuhi keperluan sistem baharu, guru perlu mengetahui dan menerokai lebih banyak perkara berkaitan daripada mata pelajaran teras. Ini bermakna guru perlu menguasai semua kemahiran teknikal dan pedagogi yang terkini untuk dilaksanakan dalam PdPc mereka. Mahu atau tidak, ianya memberi satu cabaran kepada guru dengan sedaya upaya sehingga mampu mengatasi segala masalah yang dihadapi dengan cara yang efisien.

Solusi Terhadap Cabaran Pengajaran KSSM Pendidikan Islam

Pendidikan hari ini bukan sahaja tertumpu kepada kemahiran 3M (Menulis, Membaca dan Mengira) akan tetapi perkembangan era globalisasi kini berkehendak kepada modal insan yang berkualiti tinggi melalui perubahan kurikulum merangkumi kemahiran dan kompetensi abad ke-21. Peranan guru sebagai agen perubahan memerlukan kerjasama yang padu oleh semua guru supaya matlamat perubahan KSSM dapat direalisasikan seiring dengan perubahan globalisasi dan keperluan dalam revolusi industri 4.0. Antara solusi untuk menangani cabaran dalam pengajaran Pendidikan Islam berdasarkan empat cabaran yang telah dikemukakan dapat dirumuskan berdasarkan jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Solusi Cabaran Pengajaran KSSM Pendidikan Islam

Bil	Cabaran	Solusi
1	Penguasaan Kandungan Asas Kurikulum Baharu.	1. Percambahan dan kecairan maklumat kandungan DSKP. 2. Peganjuran kursus, bengkel dan ceramah berkaitan KSSM.
2	Amalan pengajaran berteraskan kaedah tradisional kepada pembelajaran berpusatkan murid .	1. Amalan pengajaran PAK-21 2. Budaya pembelajaran berpusatkan murid (Pembelajaran Koperatif). 3. Pengajaran berpusatkan guru berbantuan bahan teknologi. 4. Penerapan elemen Kemahiran 4C.
3	Perbezaan murid dari segi pengetahuan sedia ada, minat, motivasi dan gaya pembelajaran	1. Meraikan kepelbagaian potensi murid melalui pendekatan pedagogi yang sesuai. 2. Amalan Pedagogi Terbeza (<i>Differentiated Instruction</i>).

- | | |
|---|---|
| 4 Pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 dalam amalan pengajaran pengajaran. | 1. Kesyediaan melakukan perubahan dalam PdPc.
2. Mempelbagaikan strategi PdPc dengan daya kreativiti dan inovatif. |
|---|---|
-

Solusi 1: Penguasaan Kandungan Asas Kurikulum Baharu

Solusi pertama adalah percambahan dan kecairan maklumat berkaitan Kandungan Asas Kurikulum secara berterusan kepada semua GPI mengikut keperluan dan perubahan semasa. Kadang kala disebabkan kecairan maklumat yang rendah dalam kalangan guru semasa proses merungkai kurikulum akan menyebabkan guru menghadapi masalah mengoperasikan aras Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Perkara yang merujuk kepada ketidakcekapan GPI dalam merungkai kurikulum adalah berdasarkan kepada Standard Pengetahuan, Standard Pembelajaran dan Standard Pentaksiran. Segala bentuk pengorganisasian pengajaran mestilah berbentuk perancangan dan pelaksanaan pengajaran berpandukan kepada DSKP. Pengalaman mengajar guru juga sangat mempengaruhi pelaksanaan kurikulum kerana melalui pengalaman guru dapat memberikan gambaran tentang apa yang sepatutnya guru lakukan semasa proses pelaksanaan kurikulum. Namun dalam pada itu, bergantung juga kepada input yang diberikan dan diterapkan melalui pelbagai saluran seperti kursus, bengkel dan ceramah kerana KSSM adalah baru untuk semua guru KSSM. Dapatan kajian ini selari dengan Nur Fatahiyah Mohamed Hata & Siti Nur Diyana Mahmud (2020) yang menjelaskan pengetahuan guru semakin meningkat disebabkan pendedahan yang dibuat oleh jabatan pendidikan pada masa ini. Pengkaji sendiri turut terlibat dengan sesi bedah buku teks KSSM Pendidikan Islam bersama penulis buku seperti Ustaz Wan Ali Akbar dan Ustaz Muhammad Tajuddin yang memberikan pendedahan dan kefahaman kepada GPI bagaimana kandungan kurikulum itu disampaikan kepada murid sesuai dengan PAK-21 melalui anjuran Pejabat Pendidikan Daerah Alor Gajah, Melaka

Solusi 2: Amalan Pengajaran Berteraskan Kaedah Tradisional Kepada Pembelajaran Berpusatkan Murid

Solusi kedua ialah melalui perubahan pendekatan PdPc berpusatkan murid merupakan sebahagian daripada elemen pembelajaran abad ke-21 dewasa ini. Dalam konteks KSSM yang digubal, pendekatan ini adalah memenuhi keperluan pembelajaran abad ke-21. Menurut dapatan kajian oleh Sarizan Mursid & Nor 'Ainaa Syuhada (2021) telah menggunakan satu kaedah pembelajaran yang berpusatkan murid iaitu pembelajaran koperatif telah membantu meningkatkan kefahaman dalam topik yang diajar malah dapat menggunakan pengetahuan yang diperolehi dari teknik pembelajaran koperatif untuk membuat penyelesaian masalah dengan lebih yakin. Di sebabkan hal ini, maka pembelajaran berpusatkan murid adalah lebih fleksibel dalam proses penyampaian PdPc. Perkara ini membuktikan bahawa para guru perlu mempelbagaikan kaedah PdPc mengikut perubahan semasa. Walau bagaimanapun tidak dinafikan strategi pemusatan guru yang ditambah baik dengan penggunaan bahan sokongan pengajaran memberi kesan positif terhadap pembelajaran murid. Dapatan ini selari dengan kajian Mat Lui & Ahmad (2021) yang menyatakan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran guru masih lagi menggunakan buku teks sebagai kaedah pengajaran utama tetapi disertakan dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai alat bantu mengajar.

Selain itu, guru juga boleh melaksanakan pembelajaran campuran (*blended learning*) yang menggabungkan bahan pengajaran tradisional dengan bahan pengajaran menggunakan teknologi seperti penggunaan audio visual menggantikan lukisan gambar rajah pada papan

putih. Dalam pembelajaran teradun dengan gabungan pelbagai strategi pengajaran iaitu berpusatkan bahan dan murid adalah aspek utama mencapai standard pembelajaran dan secara tidak langsung menjadikan seorang GPI yang kreatif (Nor Saadah Azahari & Nik Mohd Rahimi 2022). Banyak lagi aktiviti berpusatkan murid boleh dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam terutama yang melibatkan kemahiran 4C (*Creativity, Critical Thinking, Collaboration & Communication*) dengan demikian guru mereka bentuk pengajaran untuk menentukan standard pembelajaran supaya mencapai standard prestasi murid serta mereka bentuk pendekatan pengukuran dan penilaian untuk tujuan melihat perkembangan prestasi sepanjang sesi pembelajaran murid berlangsung. Sehubungan itu, guru perlu diberi pendedahan secara teori dan praktikal berkaitan konsep 4C sebelum diaplikasikan bersama murid (Raja Abdullah Raja Ismail 2018).

Solusi 3: Perbezaan Murid Dari Segi Pengetahuan Sedia Ada, Minat, Motivasi Dan Gaya Pembelajaran

Manakala solusi ketiga dengan meraikan kepelbagaian potensi murid melalui pendekatan pedagogi yang sesuai. Hal ini mungkin dapat diatasi jika GPI lebih peka dengan persekitaran pembelajaran murid dan mengenal pasti setiap permasalahan murid, dengan itu GPI dapat merancang aktiviti pengajarannya, bahan pembelajaran, kaedah pengajaran dan aktiviti pengukuhan dan penilaian yang sesuai dengan kemampuan murid-murid yang bermasalah dalam pembelajaran ini. Pedagogi Terbeza (*Differentiated Instruction*) adalah antara strategi pengajaran yang relevan dan sesuai digunakan dalam pengajaran kerana mempunyai aspek pengajaran yang melibatkan semua murid secara menyeluruh tanpa membezakan aras penguasaan pembelajaran murid yang cemerlang, sederhana atau lemah (Zaharah Hussain, Abdul Muhsien Sulaiman, & Zurina Mustaffa, 2021). Kaedah ini sesuai diimplementasikan di dalam bilik darjah kerana memberi peluang kepada murid untuk belajar mengikut kepelbagaian diri murid dan guru merancang pengajaran mengikut kepelbagaian murid. Dalam hal ini seorang GPI akan bersikap adil kepada semua murid dengan meraikan kemampuan dan keupayaan muridnya tanpa berlaku keciciran kepada murid dalam menguasai sesuatu kemahiran yang diajar oleh guru. Ini bermakna guru mengajar mengikut cara murid belajar supaya proses PdPc akan berkesan (Puteri Roslina Abdul Wahid 2016; Sohaina Mohd Salleh, Maimun Aqsha Lubis 2017). Justeru, seorang GPI perlu memainkan peranan sebagai murabbi untuk mendengar luahan atau pandangan murid di samping melibatkan mereka secara aktif di dalam bilik darjah dengan memberi peranan dan tugas yang sama adil kepada semua murid.

Solusi 4: Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21 Dalam Amalan Pengajaran

Solusi terakhir yang keempat ialah semua GPI perlu memahami dan bersedia melakukan perubahan dalam PdPc sesuai dengan pembelajaran abad ke-21. Hal ini kerana KPM telah membuat pelancaran inisiatif PAK-21 secara rintis pada tahun 2014 dan pelaksanaannya di seluruh negara di kuat kuasakan mulai tahun 2015. Selain itu KPM juga berharap untuk membawa perubahan kepada sistem pendidikan dari segi anjakan paradigma yang berpusatkan kepada murid sejajar dengan perubahan revolusi industri 4.0. Secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran berfikir dan inovatif dalam kalangan murid seperti yang digariskan dalam Taksonomi Kognitif Bloom (Rosnani Hashim 2022). Oleh kerana kandungan asas kurikulum bagi mata pelajaran Pendidikan Islam mempunyai tujuh bahagian yang berbeza fokus dan kandungan maka sudah pasti GPI akan menggunakan pelbagai strategi dengan menggunakan tahap kreativiti dan inovatif yang tinggi. Perkara ini selari dengan pandangan Razila Kasmin, et.al. (2019) yang mengatakan bahawa GPI berkualiti mempunyai kesungguhan menguasai pelbagai ilmu dan kemahiran pengajaran supaya dapat memberi motivasi kepada murid. Sebagai contoh penggunaan peta I-Think sebenarnya dapat membantu kemahiran

berfikir murid menjadi lebih kreatif dan aktif semasa PdPc berlangsung yang mana kandungan isi pembelajaran Pendidikan Islam banyak melibatkan fakta dan kenyataan yang perlu diingat. Jadi melalui teknik pemetaan ini merangsang minda murid untuk lebih kreatif dan kritis untuk mendapatkan kefahaman terhadap sesuatu standard pembelajaran.

Secara tidak langsung melalui aktiviti PAK-21 ini telah menghilangkan pembelajaran berpusatkan guru kepada pemusatan murid secara aktif dalam PdPc. Oleh sebab itu, pembelajaran berpusatkan murid telah diterima pakai secara meluas dalam meningkatkan kualiti pendidikan pada masa kini (Fadzil Masri and Mahamod 2020). Hal ini juga bertepatan dengan kajian Normah Jusof & Mohd Isa (2020) yang menjelaskan kemahiran pedagogi sangat penting kepada semua guru supaya guru dapat mengendalikan bilik darjah dengan efisien dan berkesan. Penggunaan bahan digital dalam PdPc juga dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik kerana dengan menggunakan teknologi dapat mendedahkan murid tentang prinsip Internet of Things (IoT) dalam RI 4.0 (Talhah, Aminudin & Ahmad 2019). Pembelajaran koperatif, *Project Based Learning*, *gallery walk*, *hot seat* dan *think pair share* merupakan antara contoh kaedah pengajaran PAK 21 yang boleh diaplikasikan oleh GPI dalam PdPc Pendidikan Islam (Rashed et al. 2021). Oleh itu, setiap GPI perlu belajar dan berlatih akan kemahiran pengajaran PAK-21 agar dapat menyediakan PdPc yang membantu murid untuk mengenali potensi dalam proses kemenjadian diri sebagai individu Islam (Nur Shahida Shamsul Alias 2022).

Kesimpulan

Berdasarkan kupasan berkenaan cabaran dan solusi terhadap pengajaran GPI dalam KSSM Pendidikan Islam menunjukkan bahawa setiap perkara tersebut perlu diurus dengan terancang dan teliti dengan melihat faktor penyebab dan tindakan susulan terhadap sesuatu isu. Pelbagai pendekatan boleh diambil bagi menghasilkan impak yang positif kepada guru dan murid sama ada melalui perkongsian ilmu, penyertaan kursus dan lawatan penanda aras yang dipimpin oleh jurulatih kebangsaan, guru pakar dan sekolah cemerlang. Secara tidak langsung kualiti PdPc dapat ditingkatkan. Berdasarkan persoalan kajian setiap cabaran tersebut telah dinyatakan dengan cadangan penyelesaian melalui hasil dapatan kajian lepas. Dapatan kajian lepas sememangnya dapat membantu guru dalam menyelesaikan isu dalam pendidikan. Melihat kepada kemampuan GPI, mereka sentiasa memperbaiki strategi PdPc seiring dengan keperluan semasa. Seorang GPI yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi akan berusaha untuk mengaplikasikan sesuatu kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan tahap murid serta objektif pembelajaran kerana ianya faktor penting yang akan menjamin keberkesanan pengajaran sesuatu mata pelajaran. Di samping itu, faktor yang mempengaruhi kejayaan pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 adalah seperti keperluan terhadap pelaksanaan strategi pengajaran yang baru, menyeronokkan dan bermakna dengan sumber yang sesuai serta kemudahan teknologi maklumat yang mencukupi. Justeru itu, diharapkan kajian ini memberikan satu perspektif berkaitan cabaran dalam melaksanakan KSSM Pendidikan Islam yang dihadapi oleh GPI. Berdasarkan hasil kajian ini juga dapat memberikan impak positif kepada amalan PdPc. Di samping itu, dapat mendorong organisasi pendidikan untuk merancang lebih banyak sesi *Professional Learning Community* (PLC) untuk meningkatkan kualiti GPI serta bidang Pendidikan Islam di Malaysia.

Penghargaan

Penulis merakam setinggi-tinggi penghargaan kepada Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) di atas kepercayaan yang diberikan untuk membentangkan idea asal makalah ini di persidangan KONSEP 2023.

Rujukan

- Anon. 2021. "Minat, Tingkah Laku Distraktif Dan Gaya Pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran Di Sekolah Rendah." *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(4):49–64. doi: 10.55057/jdpd.2021.3.4.5.
- Arumugham, Kalai Selvan. 2019. "Merungkai Dan Merangkai Kurikulum Sebagai Proses Perancangan Pengajaran Dan Pembelajaran: Kajian Kes Guru-Guru Prinsip Perakaunan." Pp. 1–9 in *Seminar Darulaman 2019 Peringkat Kebangsaan*.
- Aslina Ahmad, Noraini Ismail &. Fazura Rohaizad. 2018. *Teori Dan Praktis : Pembangunan Sahsia Guru*. 1st ed. Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bahagian Kurikulum Pembangunan. 2017. *Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan 5*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2015. *Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Pendidikan Islam Tingkatan 1*. 1st ed. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Danisman, S., and Tanisli. 2017. "Examination of Mathematics Teachers' Pedagogical Content Knowledge of Probability." *Malaysian Online Journal of Educational Sciences* 5(2):16–34.
- Fadzil Masri, Md, and Zamri Mahamod. 2020. "Kebekerkesanan Kaedah Flipped Classroom Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengolah Isi Karangan Murid-Murid Sekolah Rendah." *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)* 6(1):189–203.
- Fullan, M. 2007. *The New Meaning of Educational Change (4th Ed.)*. New York: Teachers College Press.
- Halimah Jamil, Rozita Radhiah Said, Azhar Md. Sabil &. Nor Azlina Mohd Kiram. 2017. "Perbandingan Aspek Pentaksiran Lisan Berdasarkan Deskriptor KBSM Dengan Standard Pembelajaran Dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)." *International Journal of Education and Training (InJET)* 3(2):1–9.
- Hanim, Faridah, Ishak Mohamad Yusof, Suhailah. 2019. "Hubungan Pelaksanaan Pembelajaran Masteri Dan Penguasaan Konsep Sains Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Sains Sekolah Rendah Di Melaka." *Kesidang Journal* 4:63–76.
- Jahidih Saili, and Azmil Hashim Nurul Hamimi, Awang Japilan. 2019. "Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Tajwid Al-Quran Dalam Kalangan Guru KKQ Di Lembah Klang." *The Online Journal of Islamic Education* 7(1):763–72.
- Kasim, Tengku Sarina Aini Tengku, Fatimah Sahida Abdurajak. 2018. "Pengalaman Pengajaran Guru Novis Pendidikan Islam: Implikasi Terhadap Reka Bentuk Kurikulum Latihan Pendidikan Guru." *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(1):59–66. doi: 10.17576/jpen-2018-43.01-08.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018a. *Annual Report 2017: Malaysian Education Blueprint 2013-2025*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018b. *Annual Report 2017: Malaysian Education Blueprint 2013 – 2025*. Putrajaya : Malaysia.
- Lubis, Maimun Aqsha, Nor Faizah Abu Hashim, Nur Syamira Abdul Wahab. 2016. *Falsafah Dan Pedagogi Pendidikan Islam: Isu Dan Cabaran*. 1st ed. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mamat, Simah, Azni Yati Kamaruddin, Siti Nur Khairunnisa Mohd Al-Fatah, Mashariana, Casrin Frizlin. 2021. "Permasalahan, Cabaran Dan Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Penulisan Karangan Pelajar Sekolah Menengah." *International Journal of Education and Training* (7):1–10.
- Mat Lui, Muhammad Zulfiqar, and Anuar Ahmad. 2021. "Minat Murid Terhadap Gaya, Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Dalam Pendidikan Sejarah." *Malaysian*

- Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(2):211–21. doi: 10.47405/mjssh.v6i2.676.
- Mokhlis, Safiek. 2019. "Pemupukan Kreativiti Kanak-Kanak: Kajian Kes Amalan Pengajaran Kreativiti Di Sebuah Tadika Islam." *Malaysian Online Journal of Education* 3(1):34–48.
- Mustaffa, Zurina, and Abdul Muhsien Sulaiman Zaharah Hussain. 2021. "Kaedah Pengajaran Pedagogi Terbeza Dalam Konteks Gaya Belajar Dan Keadilan Kepada Murid: Pemikiran Imam Ibn Sahnun." *Global Journal Al-Thaqafah* 11(2):1–12.
- Nadirah, Nurul, Mohamed Yusoff Mohd Nor. 2018. *Pembelajaran Abad Ke-21*. Bangi: Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Asniza Ishak, Hazri Jamil, Nordin Abd Razak. 2020. *Pedagogi Meningkatkan Kualiti Intelektual Pelajar*. 1st ed. Pulau Piang: Penerbit UNiversiti Sains Malaysia.
- Nor Saadah Azahari & Nik Mohd Rahimi. 2022. "Amalan Pembelajaran Teradun Sebagai Satu Pendekatan Pembelajaran Norma Baharu." *Nor Saadah Azahari1*, Nik Mohd Rahimi* 4(1):186–96. doi: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.14>.
- Norma Jusof. 2021. "Sikap Guru Terhadap Pengajaran Berpusatkan Murid Di Kalangan Guru Pendidikan Islam Dalam Mata Pelajaran Al-Quran Di Sekolah Kebangsaan : Satu Tinjauan." Pp. 1–16 in *Proceedings of the 7 th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021)*.
- Normah Jusof & Mohd Isa. 2020. "Kemahiran Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Rendah Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Berpusatkan Murid : Satu Analisa." *International Journal of Education and Pedagogy* 2(3).
- Normiati Batjo, and Ambotang Abdul Said. 2019. "Pengaruh Pengajaran Guru Terhadap Kualiti Pengajaran Guru." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 4(2):30–42.
- Nur Fatahiyah Mohamed Hata & Siti Nur Diyana Mahmud. 2020. "Kesediaan Guru Sains Dan Matematik Dalam Melaksanakan Pendidikan STEM Dari Aspek Pengetahuan, Sikap Dan Pengalaman Mengajar." *Akademika* 90(S3):85–101.
- Nur Shahida Shamsul Alias, Mohd Isa Hamzah. 2022. "Kesan Elemen MEerentas Kurikulum Terhadap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah." *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)* 2(1):142–68.
- Nurul Asyikin, Chew Fong Peng & Zuraidah Abdullah. 2020. "Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM* 10(2):43–53.
- Nurul Azwani & Tan Bee Piang. 2022. "Aplikasi Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Talian : Cabaran Guru Pendidikan Moral." *Muallim Journal of Social Science and Humanities* 6(1):16–55. doi: <https://doi.org/10.33306/mjssh/174>.
- Othman, Mohd Sukki, Muhammad Nadzmi Desa, Rijaluddin Yahya. 2003. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Pendidikan Islam Tingkatan 2 Buku Panduan Guru*. 1st ed. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Puteri Roslina Abdul Wahid, Nur Azimah Bukhari. 2016. "Gaya Pembelajaran Kanak-Kanak Lembam Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu." *Jurnal Bahasa* 16(2).
- Raja Abdullah Raja Ismail, Daud Ismail. 2018. "Aplikasi 'Konsep 4C' Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Kampus Dato' Razali Ismai." *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)* 63(1):45–63.
- Rashed, Zetty Nurzuliana, Haslina Hamzah, Noor Shamshinar Zakaria, and Kamarulnizam Sani. 2021. "Cabaran Dan Strategi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Di Era Revolusi 4.0." Pp. 72–93 in.

- Razila Kasmin.et.al. 2019. “Amalan Kualiti Guru Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Kebangsaan.” *Journal of Management and Operation Research* 1(4):1–23.
- Rosnani Hashim, et. a. 2022. “Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah Bagi Menghadapi Cabaran Pendidikan Abad Ke-21 Dari Perspektif Guru.” *Jurnal Pendidikan Malaysia* 47(1):65–79.
- Sarason, S. 1990. *The Predictable Failure of Educational Reform*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Sarizan Mursid & Nor 'Ainaa Syuhada. 2021. “Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Koperatif Terhadap Pencapaian Pelajar Mengulang Kursus Mathematical Computing.” *Journal of Modern Education* 3(8):63–70. doi : 10.35631/IJMOE.38006.
- Smeed, J., Bourke, T., Nickerson, J., Corsbie, T. 2015. “Testing Times for the Implementation of Curriculum Change. Analysis and Extension of a Curriculum Change Model.”
- Sohaina Mohd Salleh, Maimun Aqsha Lubis, Aisyah Sjahrony. 2017. “Pembangunan Gaya Pembelajaran Satu Analisis Keperluan Di Sekolah Kebangsaan.” *Asian Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 1(1):54–63.
- Vhyshnavi A/P Kanafadzi & Khairul Azhar Jamaludin. 2021. “Tahap Kesediaan Dan Sikap Guru Terhadap Perubahan Yang Berlaku Dalam Sistem Pendidikan: Kajian Sistematis Terhadap Artikel-Artikel Yang Terpilih.” *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(3):461–75.
- Zaid, Norfadhilah Zalina Mat, Najihah Abd Wahid. 2017. “Cabaran Dalam Pengajaran Matematik Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).” Pp. 141–45 in *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman. 2021. “Tahap Pengetahuan Kurikulum Dan Amalan Pedagogi Terbeza Guru-Guru Pendidikan Islam Zon Selatan Malaysia.” *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 7(2):1–11.